

Jun 21, 2026

www.heraldmalaysia.com

Dunia perlu

KOMPAS MORAL

MADRID: Sri Paus Leo XIV memberi amaran bahawa dunia kini sedang berdepan dengan “krisis rohani dan budaya yang mendalam” akibat peningkatan konflik, polarisasi politik, ketidakpercayaan sosial serta pengabaian terhadap martabat manusia.

Ucapan bersejarah

Dalam ucapan bersejarah di Parlimen Sepanyol pada Jun 8 lalu, Bapa Suci menggesa para pemimpin dunia untuk mengutamakan keamanan, dialog dan keadilan berbanding perlumbaan senjata serta kepentingan politik sempit.

Ucapan itu merupakan kali pertama dalam sejarah seorang Paus berucap di hadapan parlimen negara tersebut.

Menurut Uskup Roma itu, masyarakat moden semakin terdedah kepada budaya perpecahan yang menimbulkan permusuhan dan menghakis rasa hormat terhadap sesama manusia.

Dunia alami krisis rohani

Sri Paus Leo turut menegaskan bahawa krisis yang sedang melanda dunia bukan sekadar

berkaitan ekonomi, politik atau teknologi, tetapi krisis yang menyentuh hati dan jiwa manusia.

Menurut prelatus itu, kemajuan sains dan teknologi telah membawa banyak manfaat kepada kehidupan manusia. Namun, kemajuan tersebut tidak menjamin masa depan yang lebih baik sekiranya tidak disertai nilai moral dan tanggungjawab etika.

Sangti Papa mengingatkan bahawa manusia tidak boleh kehilangan keupayaan untuk membezakan antara yang benar dan yang salah, atau membiarkan kepentingan ekonomi mengatasi kesejahteraan insan.

Prelatus itu menegaskan bahawa keamanan tidak dapat dicapai melalui kekuatan ketenteraan semata-mata, tetapi mesti dibina atas asas keadilan, penghormatan terhadap hak asasi manusia dan kesediaan untuk berdialog.

Dalam konteks itu, Sri Paus menggesa para pemimpin politik, institusi pendidikan, komuniti agama dan masyarakat sivil untuk bekerjasama membina budaya pertemuan dan dialog.

Beliau berkata khususnya generasi muda memerlukan teladan yang menunjukkan bahawa perbezaan pandangan tidak semestinya membawa kepada permusuhan.

Sebaliknya, perbezaan boleh menjadi peluang untuk saling memahami dan memperkayakan kehidupan bersama.

Sri Paus turut mengingatkan bahawa undang-undang antarabangsa perlu dihormati demi mengelakkan dunia terus terjerumus ke dalam kitaran keganasan dan peperangan.

Migran bukan sekadar statistik

Dalam ucapan yang mendapat tepukan gemuruh selama tujuh minit itu, Bapa Suci memberi perhatian khusus kepada isu migrasi yang disifatkannya sebagai salah satu “drama kemanusiaan” zaman ini.

Uskup Roma juga memberi amaran terhadap budaya individualisme yang semakin menular dalam banyak masyarakat.

Apabila manusia hanya menumpukan perhatian kepada kepentingan diri sendiri, katanya, ikatan kekeluargaan menjadi rapuh, komuniti menjadi lemah dan rasa tanggungjawab terhadap golongan yang memerlukan semakin berkurangan.

Kadaan ini akhirnya melahirkan masyarakat yang mudah berpecah-belah dan kehilangan tujuan bersama.

Sri Paus menyeru negara-negara supaya melindungi para migran dan pelarian, menyediakan laluan migrasi yang selamat serta

menangani punca utama penghijrahan seperti peperangan, kemiskinan, ketidakseimbangan ekonomi dan perubahan iklim.

Prelatus itu menegaskan bahawa setiap manusia memiliki martabat yang tidak boleh dinafikan, tanpa mengira asal usul atau status mereka.

Menjaga yang paling lemah

Sangti Papa juga menyentuh beberapa isu etika penting termasuk kebebasan beragama, perlindungan kehidupan manusia, penggunaan kecerdasan buatan dalam peperangan serta tanggungjawab masyarakat untuk menjaga golongan paling lemah.

Menurut pontifeks itu, kekuatan moral sesebuah negara dapat diukur melalui cara negara itu melayani mereka yang miskin, terpinggir dan tidak berdaya.

Lawatan apostolik Sri Paus ke Sepanyol yang berlangsung dari Jun 6 hingga 12 membawa tema besar “dari institusi ke pinggiran”, menekankan panggilan Gereja untuk hadir bersama mereka yang sering dilupakan masyarakat.

Melalui lawatan ini, Bapa Suci sekali lagi menampilkan Gereja sebagai suara moral yang menyeru perpaduan, belas kasihan dan harapan dalam dunia yang semakin berpecah-belah. **Media Katolik**

Doa untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026)

Tuhan,
Engkau memanggil kami
untuk berjalan bersama sebagai umat-Mu,
ditarik ke dalam kehidupan persekutuan
Bapa, Putera, dan Roh Kudus.

Bimbinglah kami semasa kami bersiap
untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026.
Ajarlah kami untuk mendengar dengan
mendalam, untuk menilai dengan setia,
dan untuk mempercayai ke mana
Engkau memimpin kami.

Kami menyerahkan di hadapan-Mu
empat aspek yang sedang kami

pertimbangkan bersama.

Berkatilah keluarga kami,
agar mereka menjadi tempat cinta,
iman, pengampunan, dan harapan.

Perbaharuilah Gereja kami,
agar kami dapat berkembang dalam
persekutuan, penyertaan, dan saksi yang
penuh kegembiraan kepada Injil.

Bukalah hati kami kepada jeritan ciptaan,
agar kami dapat menjaga bumi
dengan rasa hormat, tanggungjawab,
dan kesyukuran.

Bimbinglah kehidupan kami dalam
komuniti, agar kami dapat mencari
keadilan, mempromosikan keamanan,
dan berdiri dalam solidariti dengan yang
miskin dan yang terpinggir.

Ketika arah tuju pastoral lahir
daripada pertimbangan kami, semoga ia
memperkaya dan menguatkan komuniti
iman tempatan kami.

Dengan Maria, Bonda Gereja,
yang merenungkan Firman-Mu dan
berjalan dalam iman, ajarilah kami untuk
berjalan bersama dalam harapan.

Kekalkan kami agar terus berakar
dalam Kristus, penuh perhatian
terhadap satu sama lain,
dan terbuka kepada
karya Roh Kudus-Mu.

Semoga Konvensyen ini
membantu kami hidup dengan lebih setia
sebagai satu Gereja Katolik Malaysia,
melayani di tanah yang kami cintai ini.

Melalui Kristus Tuhan kita.
Amin

(terjemahan-HERALD)

Di hadapan Tuhan: Jalan ketulusan

Siapakah kita apabila segala lapisan yang menutupi jiwa kita disingkap — tanpa ego, tanpa gambaran yang kita bina tentang diri sendiri, tanpa pengaruh budaya, aliran semasa dan ideologi yang secara tidak sedar membentuk pemikiran kita, tanpa luka dan trauma yang kita tanggung, serta tanpa kepura-puraan yang telah menjadi sebahagian daripada hidup kita? Bilakah kita benar-benar tulus?

Menurut kepercayaan yang popular, perkataan *sincere* (tulus) berasal daripada dua perkataan Latin, *sine* (tanpa) dan *cera* (lilin).

Maka, menjadi tulus bererti menjadi “tanpa lilin” — menjadi diri kita yang sebenar di sebalik segala lapisan ego, imej diri, pengaruh budaya, ideologi, trauma dan kepura-puraan yang menyelubungi kehidupan kita.

Namun, untuk mencapai seperti itu bukanlah sesuatu yang mudah. Hati dan fikiran manusia amat rumit. Sukar untuk menyelami diri sendiri dan mengenal siapa-kah diri kita yang sebenar. Jadi, bilakah kita benar-benar tulus?

Saya teringat akan dua kisah.

Kisah pertama datang daripada Ruth Burrows, seorang penulis mistik yang terkenal. Beliau menceritakan bagaimana suatu hari segala “lapisan lilin” itu tersingkap dan beliau melihat dirinya yang sebenar.

Ruth dibesarkan di England dalam sebuah keluarga yang tidak begitu menitikberatkan agama.

Namun, ibu bapanya menghantarnya ke sebuah sekolah perempuan yang dikendalikan oleh para biarawati kerana mutu pendidikannya yang tinggi. Ketika di sekolah menengah, beliau tidak begitu mendalami imannya.

Menjelang tamat persekolahan, para biarawati membawa para pelajar mengikuti sebuah retret.

Ruth dan seorang rakannya tidak mengambil serius retret tersebut. Mereka ketawa, berbisik dan saling menghantar nota ketika sesi ceramah berlangsung.

Akhirnya, mereka diarahkan keluar daripada kumpulan dan diminta duduk diam di dalam kapel selama beberapa jam di bawah pengawasan seorang biarawati.

Pada mulanya mereka masih bergurau dan saling mengenyit mata. Namun, masa berlalu dengan amat perlahan.

Dalam salah satu sesi hening yang panjang itu, Ruth mengalami suatu saat rahmat yang luar biasa.

Tiba-tiba beliau melihat dirinya dengan begitu jelas — seorang gadis muda yang masih mentah pemikirannya, mudah dipengaruhi oleh ego dan perhatian dunia, tetapi pada masa yang sama seorang insan yang baik, penuh kasih dan amat dikasihi oleh Tuhan.

Detik singkat itu mengubah seluruh hidupnya.

Kisah kedua lebih sederhana, namun tidak kurang mendalam. Beberapa tahun lalu, saya mempunyai seorang sahabat yang menghidap kanser sedang berada di penghujung hayatnya pada usia 54 tahun.

Ketika beliau dimasukkan ke hospis, saya menghadihkannya buku *The Story of a Soul* karya Santa Thérèse dari Lisieux.

Beberapa hari kemudian, beliau berkata kepada saya melalui telefon, “Terima kasih atas buku itu. Hanya buku itu yang masih mampu saya baca.”

Apabila seseorang berhadapan dengan kematian, segala kepura-puraan dalam hidup mula terhakis. Kita tahu apa yang benar-benar penting dan apa yang tidak.”

Proses menghadapi kematian itu menjadi pengalaman rohani yang mendalam baginya. Ia membawanya kepada ketulusan.

Bagaimanakah kita boleh mencapai keadaan itu? Bagaimanakah kita dapat men-



embusi segala lapisan yang menghalang kita daripada melihat diri yang sebenar?

Jawapannya ialah dengan membawa pergumulan itu ke dalam doa harian. Terutamanya apabila usia semakin matang, salah satu perjuangan utama dalam kehidupan doa ialah belajar berdiri di hadapan Tuhan dengan hati yang terbuka sepenuhnya — tanpa topeng, tanpa kepura-puraan dan tanpa “lilin” yang menutupi diri kita.

Inilah inti pati doa kontemplatif.

Thomas Merton pernah berkata, “Di hadapan Tuhan, ketulusan yang kecil juga mampu membawa kita sangat jauh.”

Kata-kata itu memberi penghiburan. Tuhan memahami betapa sukarnya perjuangan ini.

Dia tahu bahawa sering kali kita hanya mampu datang kepada-Nya dengan sedikit. Namun, sedikit itu sudah cukup untuk membuka jalan kepada rahmat-Nya.

Merton juga pernah berdoa:

“Ya Tuhan, aku percaya bahawa keinginan

untuk menyenangkan hati-Mu sebenarnya sudah menyenangkan hati-Mu. Aku berharap agar aku tidak melakukan apa-apa selain daripada keinginan itu. Dan aku tahu bahawa jika aku tetap berbuat demikian, Engkau akan memimpin aku di jalan yang benar walaupun aku sendiri tidak memahami ke mana jalan itu membawaku.”

Namun, apabila kita semakin menghampiri dan semakin mengenali diri yang sebenar, kita mungkin akan terkejut. Merton mengingatkan bahawa kontemplasi bukanlah jalan untuk melarikan diri daripada konflik, penderitaan atau keraguan.

Sebaliknya, ia sering membuka persoalan yang lebih mendalam dalam hati dan menyedarkan kita akan luka-luka yang masih belum sembuh.

Tetapi, di tengah segala pergumulan itu, satu perkara tetap benar: “Di hadapan Tuhan, dengan sedikit mampu membawa kita sangat jauh.” **Fr Ron Rolheiser @ Hakipta Terpelihara 1999-2026**

Tiada sebab untuk takut

Dalam kehidupan seharian, ramai antara kita pernah mengalami saat-saat ketakutan, kekecewaan atau penolakan.

Ada kalanya kita berusaha melakukan perkara yang betul, tetapi menerima kritikan, salah faham atau layanan yang tidak adil. Dalam keadaan seperti itu, Sabda Tuhan hari ini mengajak kita untuk terus percaya dan tidak kehilangan harapan.

Dalam bacaan pertama (Yeremia 20:10-13), Nabi Yeremia meluahkan penderitaannya. Dia mendengar cemuhan dan ancaman daripada orang di sekelilingnya. Malah, mereka yang dianggap sahabat juga menantikan kejatuhannya.

Walaupun berdepan tekanan dan ketakutan, Yeremia tidak meninggalkan Tuhan. Sebaliknya, dia mengisytiharkan bahawa Tuhan ialah pembela yang kuat dan sentiasa menyertainya. Keyakinannya bukan terletak pada kekuatannya sendiri, tetapi pada kesetiaan Tuhan yang tidak pernah meninggalkannya.

Pengalaman Yeremia sering mencerminkan kehidupan orang beriman pada zaman ini.

Menjadi pengikut Kristus tidak semestinya menjadikan hidup lebih mudah. Kadangkala kita perlu mempertahankan nilai-nilai Kristian dalam dunia yang semakin mengutamakan kepentingan diri, materialisme dan budaya yang bertentangan dengan Injil.

Ada yang diejek kerana memilih kejujuran, ada yang dipinggirkan kerana mempertahankan iman, dan ada juga yang memikul salib penderitaan dalam keluarga



atau di tempat kerja.

Namun demikian, Tuhan mengingatkan bahawa Dia sentiasa melihat dan memahami perjuangan umat-Nya.

Dalam bacaan kedua (Roma 5:12-15), Santo Paulus menjelaskan bahawa dosa memasuki dunia melalui Adam dan membawa kematian kepada manusia.

Namun khabar gembira yang lebih besar ialah keselamatan dan rahmat Tuhan datang melalui Yesus Kristus. Jika dosa membawa kerosakan, kasih karunia Kristus pula membawa kehidupan dan keselamatan.

Paulus mahu umat Kristian memahami bahawa rahmat Tuhan sentiasa lebih besar daripada dosa manusia. Tidak kira betapa

lemahnya kita, belas kasihan Tuhan sentiasa tersedia bagi mereka yang kembali kepada-Nya.

Injil hari ini (Matius 10:26-33) membawa pesan yang sangat menguatkan: “Jangan takut.” Yesus mengulangi kata-kata itu beberapa kali kepada para murid-Nya. Mereka akan menghadapi tentangan dan penganiayaan, tetapi mereka tidak perlu takut kerana Tuhan mengetahui segala-galanya.

Bahkan, bilangan rambut di kepala setiap orang pun diketahui oleh-Nya. Gambaran ini menunjukkan betapa dekat dan peribadinya kasih Tuhan terhadap setiap manusia.

Yesus juga menggunakan contoh bu-

**HARI MINGGU BIASA KE-12
TAHUN A**

**YEREMIA 20. 10-13;
ROMA 5: 12-15;
INJIL MATIUS 10: 26-33.**

rung pipit. Sedangkan burung kecil yang dianggap tidak bernilai oleh dunia tidak dilupakan oleh Tuhan. Jika Tuhan begitu mengambil berat terhadap burung pipit, apatah lagi terhadap anak-anak-Nya yang dikasihi.

Oleh itu, apabila kita berhadapan dengan cabaran, penyakit, masalah keluarga atau ketidakpastian masa depan, kita diajak untuk mempercayakan hidup kita kepada Tuhan.

Sebagai umat Katolik, kita dipanggil untuk berani mengakui Kristus dalam kehidupan harian.

Kesaksian iman bukan hanya melalui kata-kata, tetapi juga melalui tindakan kasih, kejujuran, pengampunan dan kesetiaan kepada ajaran Gereja.

Dunia memerlukan saksi-saksi yang berani menunjukkan bahawa harapan sejati hanya terdapat dalam Kristus.

Hari ini, marilah kita menyerahkan segala ketakutan dan kebimbangan kepada Tuhan. Seperti Yeremia, marilah kita percaya bahawa Tuhan ialah pembela kita.

Seperti yang diajarkan oleh Santo Paulus, marilah kita bersyukur atas rahmat keselamatan yang diberikan melalui Kristus. Dan seperti yang diingatkan oleh Yesus, janganlah takut, kerana kita sangat berharga di mata Tuhan dan sentiasa berada dalam lindungan kasih-Nya.

Fr Gabriel Kristanto

Para Uskup bawa visi baharu dari *Ad Limina* 2026

ROMA: Lawatan *Ad Limina* para uskup Malaysia, Singapura dan Brunei ke Vatikan baru-baru ini menjadi pengalaman rohani yang mendalam, memperbaharui semangat pelayanan serta mengukuhkan kesatuan mereka dengan Gereja sejagat.

Bagi Kardinal Sebastian Francis dari Keuskupan Pulau Pinang, detik paling bermakna sepanjang lawatan itu ialah merayakan Misa Kudus di makam Santo Petrus bersama Sri Paus Leo XIV dan para uskup lain.

Pengalaman tersebut mengingatkan beliau bahawa Gereja hari ini berdiri di atas asas iman yang diwariskan oleh para rasul dan diteruskan melalui pelayanan para pengganti mereka.

Menurut beliau, walaupun setiap paus mempunyai keperibadian dan gaya kepimpinan yang



Kardinal Sebastian Francis memimpin Misa di makam Santo Petrus, dengan Uskup Agung Emeritus John Ha.

berbeza, mereka berkongsi misi yang sama, iaitu melayani Gereja dan memelihara kesatuan umat Tuhan. Kesinambungan itu menjadi tanda kesetiaan Gereja terhadap Injil yang telah diwartakan sejak zaman para rasul.

Uskup Agung Simon Poh dari

Kuching pula menyifatkan lawatan tersebut sebagai peluang untuk kembali merenungkan panggilan seorang gembala.

Berdoa di makam Santo Petrus dan Santo Paulus memperbaharui kesedaran bahawa setiap uskup dipanggil untuk meneruskan tugas para rasul dalam membimbing umat Tuhan dengan penuh kesetiaan dan harapan.

Sepanjang lawatan itu, para uskup mengadakan pertemuan dengan pelbagai dikasteri di Vatikan bagi membincangkan cabaran serta peluang yang dihadapi Gereja di rantau ini.

Antara perkara yang disentuh ialah evangelisasi, dialog antara agama, pembinaan komuniti, kehidupan keluarga, golongan muda serta usaha memperkukuh kehidupan iman dalam masyarakat yang semakin pelbagai.

Pertemuan bersama Sri Paus Leo XIV menjadi salah satu kemuncak lawatan tersebut.

Menurut Fr Robert Leong dari Vikariat Apostolik Brunei



Sri Paus Leo XIV berjabat tangan dengan Fr Robert Leong dari Vikariat Brunei.

Darussalam, Sri Paus memperlihatkan ciri-ciri seorang gembala yang benar-benar mendengar.

Sikap terbuka dan penuh perhatian yang ditunjukkan beliau mencerminkan semangat Gereja sinodal yang menggalakkan dialog, penyertaan dan perjalanan bersama sebagai umat Tuhan.

Fr Robert berkata pengalaman itu menunjukkan bahawa Gereja bukan sekadar sebuah institusi, tetapi sebuah komuniti yang dipanggil untuk saling mendengar, menghormati kepelbagaian dan membina perpaduan.

Dalam konteks Asia yang kaya dengan budaya, bahasa dan agama yang berbeza, semangat mendengar menjadi asas penting bagi dialog, persefahaman dan keharmonian.

Bagi Uskup Agung Simon, peneakan Sri Paus terhadap budaya mendengar amat relevan dalam dunia hari ini.

Gereja dipanggil untuk berjalan bersama umat, mendengar harapan dan cabaran mereka serta

membina komuniti yang lebih inklusif dan berakar pada Injil.

Ketiga-tiga pemimpin Gereja itu turut menekankan bahawa lawatan *Ad Limina* bukan sekadar memenuhi kewajiban rasmi, tetapi merupakan pengalaman persekutuan yang memperlihatkan kesatuan Gereja sejagat.

Walaupun datang daripada negara dan latar belakang yang berbeza, para uskup berkongsi misi yang sama, iaituewartakan Kristus dan membawa harapan kepada dunia.

Sekembalinya dari Roma, mereka membawa pulang semangat yang diperbaharui untuk terus melayani umat dengan rendah hati, memperkukuh semangat sinodaliti dan memimpin Gereja tempatan dengan keyakinan baharu.

Mereka mengajak umat Katolik untuk terus setia kepada Kristus, berakar dalam tradisi apostolik, hidup dalam persekutuan dan menjadi saksi Injil di tengah-tengah dunia masa kini.



Uskup Agung Simon Poh menyerahkan naskhah Alkitab Gen Z, *Identity: Identified*, kepada Sri Paus Leo XIV sebagai tanda komitmen Gereja dalam mendampingi generasi muda.

Uskup Agung tegaskan kepentingan Sakramen Mahakudus

KUCHING: Umat Katolik di Gereja St Peter, Padungan, memperbaharui iman mereka terhadap kehadiran sebenar Yesus Kristus dalam Ekaristi sempena sambutan *Corpus Christi*, yang menegaskan Sakramen Mahakudus sebagai pusat kehidupan dan ibadat Gereja.

Corpus Christi, yang bermaksud "Tubuh Kristus", merupakan perayaan yang mengingatkan umat bahawa roti dan wain yang dikonsekrasi dalam Misa Kudus bukan sekadar lambang, tetapi benar-benar menjadi Tubuh dan Darah Kristus. Kepercayaan ini menjadi teras ajaran Katolik mengenai Ekaristi.

Uskup Agung Kuching, Simon Poh, berkata kehadiran Kristus dalam Ekaristi merupakan asas kehidupan iman Katolik dan diraikan dengan penuh hormat dalam setiap perayaan Misa.

"Dalam Misa Kudus, roti dan wain yang dikuduskan menjadi Tubuh dan Darah Kristus. Oleh sebab itu, umat berlutut ketika doa konsekrasi sebagai tanda pe-

nyembahan dan penghormatan kepada kehadiran Tuhan," katanya.

Prelatus itu turut menjelaskan bahawa adorasi di hadapan Sakramen Mahakudus memberi peluang kepada umat untuk berjumpa secara rohani dengan Kristus, membawa segala kesyukuran, harapan dan pergumulan hidup mereka dalam doa.

Menurut beliau, iman terhadap Ekaristi juga diterjemahkan

melalui pelayanan Gereja kepada mereka yang sakit dan tidak dapat menghadiri Misa, apabila Komuni Suci dibawa kepada mereka sebagai tanda kehadiran dan kasih Kristus yang tidak pernah meninggalkan umat-Nya.

Sambutan itu diakhiri dengan perarakan *Corpus Christi* di sekitar kawasan gereja, melambangkan perjalanan umat bersama Kristus serta kesaksian iman yang hidup dalam komuniti Katolik.



Umat berarak bersama Kristus

PAPAR: Hampir 500 umat Katolik menyertai perarakan *Corpus Christi* yang dianjurkan bersama oleh paroki St Joseph Papar dan paroki Holy Rosary Limbahau.

Misa Kudus dan perarakan dipimpin oleh paderi paroki Papar dan Limbahau, Fr Paul Lo, bersama pembantu paderi, Fr Joshua Liew dan Fr Florian Marcus.

Perayaan dimulakan dengan Misa Kudus di Kapel St Damian, Kg Dambai. Perarakan Sakramen Mahakudus kemudian bermula sekitar jam 5.30 petang sejurus selepas Misa.

Walaupun ribut petir melanda kawasan tersebut kira-kira sejam sebelum perayaan bermula, keadaan itu tidak mematahkan semangat umat untuk hadir.

Sepanjang perjalanan, perarakan singgah di dua lokasi untuk doa dan

penghormatan kepada Sakramen Mahakudus, iaitu di Kapel St Aloysius, Limputong dan Kapel Sacred Heart, Biau. Kehadiran umat semakin bertambah di setiap perhentian.

Menjelang senja, laluan perarakan diterangi cahaya lilin yang dibawa oleh para peserta.

Di sepanjang jalan, keluarga turut berdiri di hadapan rumah masing-masing sambil memegang lilin yang menyala sebagai tanda penghormatan dan penyembahan kepada Tuhan.

Selepas hampir tiga jam berjalan, perarakan tiba di destinasi akhir di Kapel St Patrick, Kinuta.

Di sana, Fr Paul memimpin Ibadat Senja, diikuti Adorasi Ekaristi dan Benediktus, sekali gus menutup perayaan *Corpus Christi* dalam suasana penuh doa, syukur dan kesatuan iman.

Sahabat kecil Yesus



POKOK "JANGAN TAKUT"

♥ YESUS MENJAGA SAYA SETIAP HARI! ♥

"Jangan takut, kamu lebih berharga daripada banyak burung pipit."
(Matius 10:31)



DOA BERSAMA





Yesus yang baik, apabila saya takut, bantulah saya mengingati bahawa Engkau sentiasa bersama saya. Amin.



ARAHAN:

- Warnakan gambar pokok ini dengan warna kegemaran kamu.
- Pilih burung pipit di bawah.
- Tulis nama kamu dan satu perkara yang kamu takut pada burung tersebut.
Contoh: Saya takut gelap.
- Gunting burung pipit itu.
- Tampalkan burung pipit pada pokok ini.
- Ingat! Yesus sentiasa bersama kamu. Jangan takut!

BURUNG PIPIT SAYA

 (nama saya) _____ Saya takut _____	 (nama saya) _____ Saya takut _____
 (nama saya) _____ Saya takut _____	 (nama saya) _____ Saya takut _____
 (nama saya) _____ Saya takut _____	 (nama saya) _____ Saya takut _____

Mari Mewarna



SEBAB ITU JANGANLAH KAMU TAKUT, KERANA KAMU LEBIH BERTERHA DARIPADA BANYAK BURUNG PIPIT (MATIUS 10:31)

Gunakan petunjuk simbol untuk mengisi tempat kosong dan melengkapkan ayat Yesus.

_____ yang
mengakui Aku di _____
_____, Aku juga akan
_____ di hadapan _____
yang di _____

hadapan

Setiap

Bapa-Ku

manusia

syurga

mengakuinya

orang

MARI BERDOA

Tuhan Yesus yang baik,
Terima kasih kerana mengasihi dan menjaga saya setiap hari. Bantulah saya untuk tidak takut dan sentiasa percaya kepada-Mu.
Jagalah keluarga, guru dan kawan-kawan saya.
Ajarilah saya menjadi anak yang baik dan membawa kasih-Mu kepada semua orang.

Amin. 🙏



Anak-anak yang dikasihi Tuhan,
Pernahkah anak-anak berasa takut? Sudah tentu pernah. Ada yang takut gelap, takut ditinggalkan, takut dimarahi, atau takut membuat kesilapan.
Dalam Injil hari ini, Yesus berkata sebanyak tiga kali, "Jangan takut!" Yesus mahu kita tahu bahawa Tuhan

sentiasa menjaga kita. Yesus memberikan contoh burung pipit. Burung pipit ialah burung yang kecil dan sederhana.
Namun, Tuhan tetap mengenali dan menjaga setiap burung pipit. Jika Tuhan menjaga burung yang kecil itu, sudah tentu Tuhan lebih mengasihi dan menjaga kita. Yesus juga berkata bahawa Tuhan

mengetahui segala-galanya tentang kita. Malah, rambut di kepala kita pun diketahui oleh Tuhan! Ini menunjukkan betapa istimewanya setiap seorang daripada kita di mata Tuhan.
Apabila kita berasa takut atau sedih, kita boleh berdoa kepada Yesus. Dia sentiasa mendengar dan menemani kita. Kita juga dipanggil

untuk berani mengaku bahawa kita mengasihi Yesus melalui kata-kata dan perbuatan yang baik.
Anak-anak, mari kita sama-sama mengingati bahawa kita sangat berharga bagi Tuhan. Janganlah takut, kerana Yesus sentiasa bersama kita.

Salam Sayang
Auntie Melly

BELIA

MADRID: Sri Paus Leo XIV memulakan lawatan apostoliknya ke Sepanyol dengan menyeru golongan muda agar menjadi agen pembaharuan yang membawa harapan kepada dunia melalui kasih, kebenaran dan kesaksian hidup sebagai murid Kristus.

Lawatan tersebut merupakan kunjungan kepausan pertama ke Sepanyol dalam tempoh 15 tahun dan berlangsung ketika masyarakat sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran sosial, budaya dan politik.

Kemuncak hari pertama lawatan itu ialah vigil doa bersama golongan muda di Plaza de Lima.

Dalam pertemuan bersama ratusan ribu belia di Madrid, Bapa Suci menegaskan bahawa sejarah tidak diubah oleh kuasa atau kekayaan, tetapi oleh kasih yang diwujudkan melalui tindakan nyata.

Dalam sesi dialog bersama belia, Sri Paus menjawab pelbagai persoalan mengenai iman, panggilan hidup dan cabaran yang dihadapi generasi muda masa kini.

Bapa Suci mengingatkan bahawa dunia digital yang serba pantas dan penuh gangguan sering menyebabkan manusia kehilangan ruang untuk mendengar suara Tuhan. Oleh itu, beliau menggalakkan belia meluangkan masa dalam keheningan dan doa agar dapat mengenali kebenaran yang kekal.

Sri Paus turut menggesa kaum muda supaya tidak takut untuk mempertimbangkan panggilan sebagai paderi, biarawan atau biarawati, serta pelbagai bentuk pelayanan dalam Gereja.

Prelatus itu menegaskan bahawa Tuhan terus memanggil generasi muda untuk menjadi saksi Injil di tengah dunia yang semakin dipengaruhi oleh sikap individualistik dan budaya mementingkan diri sendiri.

KAMULAH YANG MENGUBAH SEJARAH



Dalam amanatnya, Sri Paus menyeru para belia supaya menjadi “cahaya pembawa kemanusiaan baharu” yang mampu membawa terang Kristus ke dalam dunia yang dicemari oleh peperangan, keganasan, sikap tidak peduli dan pembohongan. Sri Paus mengajak mereka untuk hidup se-

cara tulus, membina hubungan yang tulus serta menjadi pembawa damai dalam keluarga, komuniti dan masyarakat.

Mengakhiri pertemuan tersebut, Sri Paus Leo XIV menegaskan bahawa kasih merupakan kuasa yang paling mampu mengubah dunia. Beliau mengingatkan bahawa

iman Katolik bukan sekadar kepercayaan yang dihayati secara peribadi, tetapi satu panggilan untuk melayani sesama dengan penuh belas kasihan dan kemurahan hati.

“Kamulah yang boleh mengubah sejarah,” kata beliau kepada para belia. **Media Vatikan**

Tanda Salib: Pengakuan iman yang hidup

KOTA KINABALU: Sebagai persiapan Konvensi Pastoral Malaysia (MPC) 2026, Katedral Sacred Heart telah mengadakan sesi katekesis bertema, “Sinodaliti” yang disampaikan oleh Msgr Nicholas Stephen.

Semua pelajar Sekolah Minggu diwajibkan mengikuti sesi selama 45 minit itu, yang turut dihadiri oleh ibu bapa serta umat paroki.

Dalam katekesis, Msgr Nicholas menggunakan pelbagai kisah dan pengalaman bagi membantu para peserta memahami maksud sinodaliti dalam kehidupan Gereja.

Beliau turut berkongsi refleksi mengenai salib sebagai lambang kasih dan pengorbanan Kristus untuk keselamatan manusia.

Selain itu, Msgr menekankan kepentingan membuat tanda salib dengan penuh kesedaran, hormat dan iman.

Menurutnya, tanda salib bukan sekadar amalan rutin, tetapi merupakan satu pengakuan iman yang mengingatkan umat

akan kehadiran dan perlindungan Tuhan dalam kehidupan seharian.

Beliau juga mengingatkan para peserta tentang kuasa rohani yang terkandung dalam tanda salib apabila dilakukan dengan penuh keyakinan dan penghayatan.

Pada sebelah petang, program diteruskan dengan Saat Teduh yang dipimpin oleh Fr Wilson Francis.

Dalam renungannya, Fr Wilson menjelaskan perbezaan antara adorasi Sakramen Mahakudus dan penerimaan Ekaristi, sambil menegaskan bahawa kedua-duanya memainkan peranan penting dalam kehidupan rohani umat Katolik.

Fr Wilson menerangkan bahawa dalam adorasi, umat meluangkan masa berada di hadapan Yesus yang hadir dalam Sakramen Mahakudus melalui doa, penyembahan dan keheningan.

Manakala dalam Ekaristi, umat menerima Tubuh dan Darah Kristus sebagai santapan rohani yang menguatkan hubungan mereka dengan Tuhan.

Walaupun berbeza dari segi bentuk



dan pengalaman, beliau menegaskan bahawa kedua-duanya membawa umat lebih dekat kepada Kristus dan memberi kekuatan rohani yang diperlukan untuk menghadapi cabaran kehidupan harian.

Program hari tersebut menjadi satu

pengalaman bermakna yang memperkaya perjalanan iman para peserta serta membantu mereka memahami dengan lebih mendalam makna persekutuan, doa dan penyertaan aktif dalam kehidupan Gereja.

Berita singkat perjalanan Sri Paus Leo XIV ke Sepanyol, Jun 6-12

Belia diseru jadi percikan harapan

MADRID: Sri Paus Leo XIV mengajak golongan belia untuk menjadi “percikan kemanusiaan baharu” yang mampu membawa harapan, kasih dan perubahan dalam dunia yang semakin dicemari keganasan, sikap tidak peduli dan perpecahan.

Seruan itu disampaikan ketika beliau memimpin vigil doa bersama ratusan ribu belia di Madrid sempena lawatan apostolik ke Sepanyol.

Dalam sesi soal jawab bersama kaum muda, Bapa Suci menggalakkan mereka mencari kebenaran, hidup dengan jujur dan tidak ter-

perangkap dalam budaya yang hanya mementingkan penampilan luaran.

Sri Paus mengingatkan bahawa iman bertumbuh melalui komuniti yang saling menyokong dan berjalan bersama. Beliau menggesa para belia agar berani menjadi saksi Injil di tengah dunia moden serta tidak takut untuk mempertahankan nilai-nilai kebenaran, keadilan dan solidariti.

Vigil tersebut diakhiri dengan adorasi Ekaristi dan berkat Sakramen Mahakudus. **Media Vatikan**

Kemajuan perlu berwajah kemanusiaan

MADRID: Sri Paus Leo XIV menyeru para pemimpin dalam bidang budaya, seni, ekonomi, pendidikan dan sukan supaya bekerjasama membina masyarakat yang lebih berperikemanusiaan dalam menghadapi perubahan sosial dan teknologi yang pesat.

Seruan itu disampaikan dalam pertemuan bertajuk “Menjalin Jaringan Bersama Dunia Budaya, Seni, Ekonomi dan Sukan” di Arena Movistar, Madrid pada Jun 7, hari kedua kunjungan Sri Paus

ke Sepanyol.

Menurut Bapa Suci, kemajuan teknologi serta keupayaan manusia untuk berkarya dan berkomunikasi terus berkembang, namun masyarakat tidak boleh kehilangan nilai dan arah tuju yang menjadi asas kehidupan bersama.

Beliau mengingatkan bahawa pembangunan yang sejati mesti meletakkan martabat manusia, dialog dan kesejahteraan bersama sebagai keutamaan. **Media Vatikan**

Apakah warisan yang kita tinggalkan untuk masa depan?

MADRID: Sri Paus Leo XIV mengajak umat Katolik merenungkan warisan yang akan ditinggalkan kepada generasi akan datang, khususnya dalam aspek iman, nilai kemanusiaan dan pemeliharaan ciptaan Tuhan. Dalam pertemuan sempena hari kedua lawatannya ke Sepanyol pada Jun 7, Bapa Suci menegaskan bahawa setiap generasi bertanggungjawab membina masa depan yang lebih adil, damai dan penuh harapan.

Uskup Roma itu mengingat-

kan bahawa kemajuan sesebuah masyarakat tidak boleh diukur hanya melalui pembangunan ekonomi atau teknologi.

Sebaliknya, warisan yang paling berharga ialah kemampuan untuk memupuk perpaduan, melindungi martabat insan dan menjaga mereka yang lemah serta terpinggir. Beliau turut menggesa masyarakat agar tidak bersikap acuh tak acuh terhadap cabaran semasa, termasuk perpecahan sosial, kemiskinan dan krisis kemanusiaan. **Media Vatikan**

Sri Paus dengar suara mangsa penderaan

MADRID: Sri Paus Leo XIV mengadakan pertemuan peribadi dengan enam mangsa penderaan yang melibatkan anggota klerus semasa lawatan apostolik ke Sepanyol.

Pertemuan yang berlangsung hampir sejam itu memberi ruang kepada para mangsa berkongsi pengalaman pahit mereka serta mengemukakan cadangan untuk memperkukuh tindak balas Gereja terhadap kes penderaan.

Menurut Pejabat Akhbar Takhta Suci, para mangsa hadir bersama petugas Gereja yang terlibat dalam

usaha mendampingi serta menyokong mereka.

Bapa Suci mendengar dengan penuh perhatian serta menerima cadangan yang dikemukakan bagi membantu Gereja bertindak dengan lebih berkesan dalam menangani kes penderaan.

Pertemuan tersebut dilihat sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan Gereja untuk mendengar suara mangsa dan memperkukuh budaya perlindungan dan keprihatinan terhadap golongan yang teraniaya. **Media Vatikan**

Bapa Suci hargai petugas kebajikan

BARCELONA: Sri Paus Leo XIV mengingatkan bahawa kehidupan bukanlah perjalanan yang ditempuh sendirian, tetapi bersama orang lain dan Tuhan.

Dalam pertemuan dengan pertubuhan kebajikan dan bantuan sosial Keuskupan Barcelona, Bapa Suci menjawab pertanyaan seorang kanak-kanak mengenai penderitaan, pengampunan dan makna kehidupan.

Uskup Roma itu menegaskan bahawa kasih sejati bermula apabila seseorang melihat wajah Kristus dalam diri setiap insan, khususnya golongan miskin, warga emas, migran dan terpinggir.

Beliau turut menghargai dedikasi para petugas kebajikan yang melayani golongan yang memerlukan dengan semangat belas kasihan. **Media Vatikan**



Di Sagrada Família, seruan umat jadi pembina damai

BARCELONA: Sri Paus Leo XIV menegaskan bahawa umat Kristian dipanggil untuk menjadi pembina perdamaian dan pembawa harapan dalam dunia yang masih dilanda peperangan, keganasan dan perpecahan.

Seruan itu disampaikan ketika beliau memimpin Misa di Basilika *Sagrada Família*, Barcelona, sempena pemberkatan Menara Yesus Kristus yang baharu disiapkan, bertepatan dengan ulang tahun ke-100 kematian arkitek tersohor, Antoni Gaudí.

Dalam homilinya, Bapa Suci mengingatkan bahawa iman kepada Kristus tidak boleh dipisahkan daripada keprihatinan terhadap mereka yang menderita.

Menurut Uskup Roma itu, seseorang tidak boleh mengaku percaya kepada Yesus sambil mengabaikan mereka yang menjadi

mangsa peperangan, kemiskinan atau ketidakadilan.

Beliau menggesa umat untuk menolak budaya kekerasan dan sebaliknya memilih jalan dialog, perdamaian serta solidariti.

Sri Paus Leo juga menyeru umat agar tidak berdiam diri terhadap penderitaan yang berlaku di sekeliling mereka.

Sebaliknya, mereka dipanggil menjadi saksi Injil melalui tindakan kasih, keprihatinan terhadap golongan yang lemah serta komitmen untuk membina keamanan.

Menurut beliau, dunia hari ini memerlukan lebih ramai pembina jambatan daripada pembina tembok, agar harapan dapat mengatasi perpecahan dan kasih mengatasi kebencian.

Sri Paus turut memuji *Sagrada Família* sebagai sebuah karya agung yang menggabungkan

iman, seni dan keindahan ciptaan Tuhan.

Beliau menyifatkan basilika tersebut sebagai “mahakarya yang dibina daripada batu, warna dan cahaya” yang terus mengangakat hati manusia kepada Tuhan.

Sangti Papa mengenang warisan Antoni Gaudí yang mengabdikan hidupnya kepada pembinaan *Sagrada Família*.

Menurut beliau, karya itu menjadi bukti bahawa iman mampu melahirkan keindahan yang mendekatkan manusia kepada Tuhan dan sesama.

Majlis bersejarah juga dihadiri oleh Raja Felipe VI, Ratu Letizia, Perdana Menteri Pedro Sánchez, para pegawai kerajaan, para pemimpin Gereja, religius serta puluhan ribu umat yang memenuhi kawasan sekitar basilika. **Media Vatikan**

BARCELONA: Sri Paus Leo XIV mengingatkan para banduan bahawa kesilapan masa lalu tidak menentukan nilai atau identiti seseorang. Ketika melawat Pusat Penjara Brians 1 di Sepanyol, Bapa Suci menegaskan bahawa kasih dan belas kasihan Tuhan sentiasa lebih besar daripada segala kelemahan manusia.

Menurut Uskup Roma itu, setiap insan berharga kerana dicipta dan dikasihi oleh Tuhan. Oleh itu, tiada keadaan, dosa atau kegagalan yang dapat membuat Tuhan berhenti mengasihi manusia.

Sri Paus menggalakkan para banduan agar tidak tenggelam dalam rasa rendah diri, kesedihan atau putus asa, sebaliknya menaruh harapan kepada Tuhan yang sentiasa dekat dan mengasihi mereka.

Uskup Roma itu menggalakkan para banduan agar tidak membiarkan masa lalu menguasai masa depan mereka.

Sebaliknya, mereka diajak untuk membuka hati kepada rahmat



Tiada yang terpisah

dari kasih Tuhan

Tuhan yang sentiasa menawarkan pengampunan, harapan dan pembaharuan hidup.

Sangti Papa turut menegaskan bahawa Gereja tidak melupakan mereka yang berada di dalam penjara sebaliknya Gereja terus hadir sebagai tanda belas kasihan dan harapan Kristus.

Sri Paus turut menegaskan bahawa kehidupan Kristian bukan berarti tidak pernah melakukan kesilapan, tetapi sentiasa berse-

dia untuk bertobat, berdamai dan memulakan hidup yang baharu.

Dengan bersandar kepada rahmat Tuhan, masa lalu tidak perlu menjadi hukuman yang menentukan masa depan seseorang.

Mengakhiri pertemuan itu, Bapa Suci mengajak para banduan untuk terus berharap dan menyebarkan mereka kepada perlindungan Bonda Maria, sambil menyampaikan berkat apostolik. **Media Vatikan**



Tinggalkan kata-kata yang memecah-belahkan

CATALONIA, Sepanyol: Dalam lawatannya ke Biara Montserrat yang berusia lebih 1,000 tahun di Catalonia, Sri Paus Leo XIV mengajak umat Katolik untuk memandang kepada Bunda Maria sebagai teladan yang sentiasa membawa manusia kepada Kristus, sumber belas kasihan, perdamaian dan kedamaian sejati.

Selepas memimpin doa rosari di hadapan patung Bunda Maria Montserrat, Sri Paus menggesa umat agar meninggalkan kata-kata yang menyakitkan, penghakiman terburu-buru, gosip dan fitnah yang sering menjadi punca perpecahan dalam keluarga, masyarakat dan Gereja.

Beliau menyeru agar kasih dipupuk dalam setiap hubungan supaya kebenaran dapat digantikan dengan harapan dan damai.

Menurut beliau, Maria sentiasa mengajak umat untuk melakukan apa yang diperintahkan Kristus, sebagaimana dalam peristiwa di Kana. Dengan mendengar dan mentaati Sabda Tuhan, hati manusia

dapat diperbaharui dan didamaikan.

Sri Paus turut mengingatkan bahawa keganasan bukan sahaja berlaku melalui peperangan, tetapi juga boleh tersembunyi dalam kata-kata dan sikap yang menghina, menghakimi atau memecahbelahkan orang lain.

Sri Paus menggesa umat meletakkan "perisai" yang mengeraskan hati di kaki Maria dan belajar daripada Yesus yang menyelamatkan dunia melalui kuasa kasih, bukannya kekerasan.

Beliau menegaskan bahawa dunia hari ini amat memerlukan lelaki dan wanita yang sanggup menjadi pembawa perdamaian. Menurut Sri Paus, keamanan yang sejati tidak lahir daripada kemenangan satu pihak ke atas pihak yang lain, tetapi daripada hati yang terbuka kepada pengampunan dan dialog.

Bapa Suci mengajak umat beriman untuk memulakan perubahan itu dalam kehidupan harian, sama ada di rumah, tempat kerja mahupun dalam komuniti

Gereja.

Dengan mencontohi kelembutan dan kerendahan hati Maria, setiap orang Kristian dipanggil menjadi alat perdamaian yang menyatukan, bukannya memecahbelahkan.

Sri Paus turut mengingatkan bahawa Kristus tidak mengalahkan kejahatan dengan kekuatan senjata, tetapi melalui kasih yang rela berkorban di salib. Oleh itu, para pengikut Kristus hendaklah berani memilih jalan kasih, kesabaran dan belas kasihan sebagai kesaksian iman di tengah dunia yang masih dibelenggu konflik dan perpecahan.

Di hadapan ribuan penziarah yang hadir, Sri Paus mempercayakan pelayanan Petrus dan misi Gereja kepada perlindungan Bunda Maria.

Prelatus itu juga menyeru agar semua orang mengiktiraf satu sama lain sebagai saudara dan saudari, supaya perpaduan menjadi lebih kuat daripada segala bentuk perpecahan. **Media Vatikan**

Jus rohani untuk jiwa

10 pembohongan bahaya bagi Katolik

Berikut ialah 10 pembohongan yang sering dipercayai oleh ramai orang dan boleh membahayakan kehidupan iman seorang Katolik:

1. Saya boleh selamat tanpa Tuhan.

Dunia mengajar bahawa manusia mampu mengurus hidup sendiri tanpa Tuhan.

Namun Yesus berkata, "Di luar Aku, kamu tidak dapat berbuat apa-apa" (Yoh 15:5). Apabila kita menjauhkan diri daripada Tuhan, kita kehilangan sumber kehidupan rohani.

2. Dosa kecil tidak penting

Ramai berfikir dosa kecil tidak memberi kesan. Namun dosa yang tidak diperangi boleh menjadi tabiat dan akhirnya menjauhkan kita daripada Tuhan. Kesetiaan dalam perkara kecil sangat penting dalam kehidupan rohani.

3. Tuhan akan mengampuni saya, jadi saya boleh berdosa dahulu.

Rahmat Tuhan bukan lesen untuk berdosa. Pertobatan sejati memerlukan penyesalan dan usaha untuk berubah, bukan mengambil kesempatan atas belas kasihan Tuhan.

4. Saya tidak perlu Gereja, saya boleh berdoa sendiri

Doa peribadi penting, tetapi Kristus menderikan Gereja sebagai Tubuh-Nya. Sakramen, Ekaristi dan komuniti iman membantu kita bertumbuh dalam kekudusan.

5. Semua agama sama sahaja

Gereja mengajar supaya menghormati semua orang dan agama, tetapi juga mengakui bahawa kepenuhan wahyu dan keselamatan diberikan melalui Yesus Kristus dan Gereja yang diasaskan-Nya.

6. Kebahagiaan datang daripada wang, kuasa dan populariti

Ramai orang mengejar kejayaan duniawi tetapi tetap kosong di dalam hati. Santo Agustinus berkata, "Hati kami tidak akan tenang sehingga beristirahat dalam Engkau."

7. Saya tidak cukup baik untuk Tuhan.

Ini juga satu tipu daya. Tuhan memanggil orang berdosa, bukan orang yang sempurna. Petrus, Maria Magdalena dan Paulus semuanya mempunyai kelemahan, namun dipanggil menjadi orang kudus.

8. Iman itu urusan peribadi, jangan tunjukkan kepada orang lain

Yesus berkata kita adalah terang dunia dan garam bumi (Mat 5:13-16). Seorang Katolik dipanggil menjadi saksi melalui kata-kata dan perbuatan.

9. Saya boleh memilih ajaran Gereja yang saya suka sahaja.

Iman Katolik bukan menu pilihan. Kita dipanggil menerima seluruh ajaran Kristus walaupun ada bahagian yang mencabar atau sukar difahami.



10. Syaitan tidak wujud

Salah satu kejayaan terbesar syaitan ialah membuat orang percaya bahawa dia tidak wujud.

Gereja mengajar bahawa syaitan adalah nyata, tetapi kuasanya telah dikalahkan oleh Kristus melalui Salib dan Kebangkitan.

Renungan: Kebanyakan pembohongan ini kelihatan menarik kerana ia menjanjikan jalan yang lebih mudah. Namun Yesus mengingatkan bahawa kebenaranlah yang akan memerdekakan kita (Yoh 8:32). Sebagai umat Katolik, kita dipanggil untuk sentiasa menilai pemikiran dan keputusan kita berdasarkan Injil, ajaran Gereja dan bimbingan Roh Kudus. **Aleteia**

PENULIS BERKICAU

Pelan pastoral bergerak

Perjalanan Sri Paus Leo XIV ke Sepanyol bukan sekadar lawatan rasmi. Ia merupakan satu "plan pastoral bergerak" yang boleh memberi banyak pengajaran kepada Gereja di Malaysia. Melalui tema besar lawatan, bergerak "dari institusi ke pinggiran", Sri Paus bukan hanya melawat istana, parlimen dan katedral, tetapi juga pusat migran, penjara, pusat kebajikan dan mereka yang terpinggir.

Bagi Gereja di Malaysia, ini mengingatkan kita bahawa evangelisasi tidak boleh terhad kepada bangunan Gereja. Gereja perlu hadir dalam kalangan pekerja migran, masyarakat Orang Asli, pelarian, keluarga miskin bandar dan mereka yang jarang menjejaskan kaki ke gereja.

Kemuncak lawatan Sri Paus ialah kunjungannya ke Kepulauan Canary untuk bertemu migran yang mempertaruhkan nyawa merentasi laut demi masa depan yang lebih baik. Beliau mahu dunia melihat wajah manusia di sebalik statistik migrasi.

Di Gereja tempatan, kita mempunyai ramai pekerja migran dan komuniti pelarian. Saya perhatikan Gereja Katolik di Malaysia sentiasa memperkukuh pelayanan kepada mereka melalui bantuan kemanusiaan, pendidikan, sokongan rohani dan pembelaan terhadap maruah para migran serta pelarian. Malah, kebanyakan keuskupan bekerjasama dengan beberapa kedutaan bagi membantu anak-anak migran mendapat akses kepada pendidikan.

Dalam ucapannya di Madrid, Sri Paus menyeru para pemimpin supaya menolak polarisasi politik, ideologi dan budaya yang semakin memecah-belahkan masyarakat.

Malaysia ialah negara berbilang kaum, agama dan budaya. Gereja tempatan dipanggil menjadi jambatan dialog, perdamaian dan persefahaman, selaras dengan semangat sinodal yang menekankan berjalan bersama dan saling mendengar. Saya juga tertarik dengan perasmian Menara Yesus di *Sagrada Familia*, Barcelona oleh Sri Paus Leo. Prelatus itu menegaskan bahawa warisan iman bukan sekadar monumen masa lalu, tetapi sumber inspirasi untuk masa depan.

Gereja di Malaysia juga mempunyai kekayaan tradisi, devosi dan budaya tempatan. Namun tradisi itu perlu sentiasa mengarah kepada misi, khususnya dalam membimbing generasi muda mengenali Kristus.

Saya sebenarnya agak risau dengan perayaan tradisi yang masih mengamalkan kepercayaan pagan, minum alkohol secara berlebihan dan perbelanjaan yang sangat membazir. Semoga Gereja Katolik kita sentiasa mengekalkan budaya yang baik, yang menyembah Tuhan dan menghargai alam.

Sri Paus Leo juga memberi perhatian khusus kepada golongan muda melalui vigil doa, pertemuan awam dan cabaran untuk menjadi pembawa harapan dalam dunia moden.

Jika diringkaskan dalam satu ayat, mesej utama lawatan Sri Paus Leo XIV ke Sepanyol ialah: Gereja harus setia kepada Kristus dengan mendekati mereka yang berada di pinggiran, membina perpaduan, memelihara tradisi dan melibatkan semua orang dalam misi pewartaan Injil. Itulah juga cabaran dan peluang bagi Gereja Katolik di Malaysia pada hari ini.

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Kita boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau

WhatsApp: 011-26391498

UNTUK NILAI-NILAI DALAM SUKAN:
Marilah kita berdoa agar sukan menjadi alat perdamaian, pertemuan dan dialog antara budaya serta bangsa, dan agar sukan terus memupuk nilai-nilai seperti hormat-menghormati, solidariti dan perkembangan peribadi.

Wanita perkukuh misi sinodal



SANDAKAN: Seramai 146 wanita Katolik dari seluruh Sabah berhimpun dalam Konvensyen Wanita Katolik Sabah Keenam di Hotel Elopura, pada Jun 2-6 lalu.

Bertemakan “Wanita Katolik Melangkah Bersama ke Arah Gereja Sinodal”, konvensyen itu menghimpunkan delegasi dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu, Keuskupan Keningau dan Keuskupan Sandakan untuk bersama-sama berdoa, melakukan refleksi rohani serta memperdalam pemahaman tentang peranan wanita dalam kehidupan dan misi Gereja.

Konvensyen dibuka dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Sandakan, Julius Dusin Gitom.

Dalam homilinya, beliau menegaskan peranan penting wanita dalam memupuk iman serta membina keluarga dan komuniti Kristian yang teguh.

Konvensyen tersebut kemudiannya dirasmikan oleh Uskup

Agung Kota Kinabalu, John Wong, yang menggalakkan para peserta memanfaatkan pertemuan itu sebagai peluang untuk memperkukuh kehidupan rohani dan mendengar bimbingan Roh Kudus.

Pada hari kedua, Uskup Agung John menekankan pentingnya pertobatan dan pembaharuan rohani dengan mengajak umat memperkukuh hubungan dengan Tuhan serta membuka hati kepada bimbingan Roh Kudus.

Mother Grace Deosing FSIC pula membentangkan topik “Spiritualiti Wanita Katolik”, yang menekankan bagaimana wanita dapat mencerminkan kasih Tuhan melalui belas kasihan, kesetiaan, ketabahan dan kemurahan hati.

Program turut diperkaya dengan doa rosari, Koronka Kera-himan Ilahi, adorasi Sakramen Mahakudus dan sakramen rekonsiliasi.

Pada hari ketiga, Msgr Gilbert Lasius membentangkan tema

utama konvensyen dengan menekankan nilai persekutuan, penyertaan dan misi dalam Gereja sinodal.

Dalam sesi yang dikendalikan oleh Anna Teresa Peter Amandus, beliau menggalakkan wanita Katolik mengenali karunia masing-masing serta menghayati kepimpinan melalui semangat pelayanan.

Salah satu elemen utama konvensyen ini ialah “Perbualan dalam Roh” yang memberi peluang kepada peserta untuk berkongsi pengalaman, mendengar dengan penuh hormat dan bersama-sama mencari jalan memperkukuh pelayanan dalam Gereja.

Konvensyen diakhiri dengan pembentangan hasil refleksi oleh setiap keuskupan serta penyerahan bendera konvensyen kepada Keuskupan Agung Kota Kinabalu, yang akan menjadi tuan rumah Konvensyen Wanita Katolik Sabah Ketujuh pada tahun 2029.

BINGKOR, Keningau: Sempena Minggu *Laudato Si’*, Komiti Keharmonian Alam Ciptaan Tuhan (KACT) Paroki Katedral St Francis Xavier, Keningau, telah menganjurkan program Misa Kudus Bersama Alam yang bertemakan “Berjalan Bersama Memelihara dan Memulihara Alam.”

Program tersebut diadakan di Tanah Keuskupan Keningau, Tinunon, Bingkor, yang dikelilingi ekosistem hutan dan sungai yang masih terpelihara.

Keindahan alam semula jadi itu membantu para peserta menghayati hubungan antara iman dan tanggungjawab menjaga ciptaan Tuhan.

Misa Kudus dipimpin oleh Msgr Gilbert Lasius. Dalam homilinya, beliau menegaskan bahawa alam mempunyai keunikan dan misterinya yang tersendiri. Walaupun terdapat pelbagai kepercayaan tradisional yang mengaitkan alam dengan kewujudan makhluk ghaib, umat Katolik dipanggil untuk melihat alam sebagai ciptaan Tuhan yang harus dihormati dan dihargai.

Menurut beliau, *Laudato Si’* menyeru umat menghargai dan memelihara alam sebagai anugerah



Misa bersama alam di Bingkor, Keningau

Tuhan untuk kesejahteraan semua generasi.

Selepas Misa, Grace Pounsins menyampaikan katekesis mengenai kepentingan pemeliharaan alam dan menjelaskan bahawa Malaysia merupakan antara 17 negara megabiodiversiti dunia.

Grace turut menekankan bahawa usaha pemeliharaan alam perlu disokong oleh penghayatan iman serta pengetahuan saintifik agar masyarakat lebih memahami nilai sebenar alam ciptaan Tuhan.

Menurutnya, tindakan kecil yang dilakukan secara bersama dan berterusan mampu memberi kesan besar kepada kelestarian alam sekitar.

Program turut diserikan dengan upacara pemberkatan haiwan dan tumbuhan serta aktiviti penanaman pokok.

Program diakhiri dengan sesi persekutuan serta pengumuman Zon Luanti sebagai tuan rumah Misa Kudus Bersama Alam pada tahun hadapan. **Juanis Marcus**



Seribu Salam Maria bergema di Kuria Klang

KLANG : Semangat doa dan devosi kepada Bonda Maria terserlah apabila Legion Maria Kuria Klang menganjurkan Program Seribu Salam Maria di Gereja Blessed Sacrament, Klang pada Mei 30 lalu.

Program tersebut menghimpunkan lebih 100 umat Katolik dari seluruh daerah Klang dalam satu pertemuan doa yang bertujuan memperbaharui kehidupan rohani serta mempersembahkan intensi bagi Gereja, keluarga dan masyarakat.

Sepanjang program berlangsung, para peserta mendaraskan doa rosari secara bergilir-gilir sehingga mencapai seribu Salam Maria.

Suasana yang penuh khusyuk dan damai memberi peluang kepada umat untuk merenungkan misteri kehidupan Yesus Kristus sambil mendekatkan diri kepada Bonda Maria melalui doa dan refleksi.

Penganjuran program ini bukan sekadar satu amalan devosi, tetapi juga menjadi ungkapan kepercayaan umat terhadap kuasa doa.

Dalam dunia yang berdepan pelbagai cabaran sosial, ekonomi dan keluarga, umat diajak untuk kembali kepada Tuhan melalui doa yang tekun dan berterusan.

Program tersebut turut mengingatkan umat tentang panggilan mereka untuk menjadi pembawa harapan dan saksi kasih Kristus dalam kehidupan seharian.

Dengan mempersembahkan doa melalui perantaraan Bonda Maria, para peserta menyatakan keyakinan bahawa Tuhan sentiasa mendengar dan menyertai perjalanan hidup umat-Nya.

Perarakan diakhiri dengan Adorasi Sakramen Mahakudus, yang memberi kesempatan kepada para peserta untuk berdoa dan berdiam diri di hadapan Yesus yang hadir dalam Ekaristi.

Kristus dibawa keliling pekan Nabawan

NABAWAN: Umat Katolik di mision St Bede, Nabawan berhimpun untuk merayakan Hari Raya *Corpus Christi* dalam suasana penuh iman dan kesyukuran, dengan kemuncak sambutan diserikan oleh perarakan Sakramen Mahakudus mengelilingi pekan Nabawan.

Misa Kudus telah dipimpin oleh Fr Roney Luni, yang dalam homilinya mengingatkan umat tentang kehadiran sebenar Yesus Kristus dalam Ekaristi.

Beliau menggalakkan umat untuk terus memupuk kasih dan penghormatan terhadap Sakramen Mahakudus sebagai sumber kekuatan rohani dalam kehidupan harian.

Sambutan tersebut turut menjadi detik istimewa bagi 38 kanak-kanak yang menerima Komuni Pertama.

Dengan penuh sukacita, mereka menerima Yesus dalam Ekaristi buat kali pertama, disaksikan oleh keluarga, para katekis dan seluruh komuniti paroki.

Selepas Misa Kudus, umat menyertai perarakan *Corpus*



Christi yang membawa Sakramen Mahakudus mengelilingi pekan Nabawan sebagai tanda kesaksian iman kepada Kristus yang hadir dalam Ekaristi.

Perarakan itu turut menjadi peluang bagi umat untuk menyatakan penyembahan dan penghormatan kepada Tuhan di tengah masyarakat.

Sambutan *Corpus Christi* mision St Bede sekali lagi mengingatkan umat bahawa Ekaristi merupakan pusat kehidupan umat dengan Kristus dan sesama dalam perjalanan iman.